

# GUNAKANLAH PELUANG HIDUPMU SEBELUM MATIMU

Firman Allah: *Kuntum khaira ummati akhrajat li al-nās ta'murūna bi al-ma'rūf wa tanhawna 'ani al-munkar*, Maksudnya:

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang telah berada dalam masyarakat manusia bagi mengajar berbuat baik  
dan menegah melakukan kejahatan.”

Menurut bunyi ayat yang tersebut di atas ini terang dan jelas kepada kita bahawa apabila kita berbuat dan berusaha di dalam bertolong-tolongan pada kebajikan dan menegah daripada membuat kejahatan nescaya kita akan menjadi sebaik-baik umat sebagai yang dimaksudkan di dalam ayat itu.

Keadaan umat yang baik itu telah pun dibuktikan pula oleh tawarikh dunia iaitu mulai zaman Khulafā' al-Rāshidīn hingga kepada beberapa kurun kemudiannya. Dengan bertolong-tolongan dalam bahagian kebajikan dan tegah menegah dalam melakukan kejahatan maka dapatlah buktinya kepada kita akan persaudaraan yang dimaksud oleh ayat (maksudnya) “Orang-orang mukmin itu tidak lain melainkan bersaudara.”

Selain daripada persaudaraan itu adalah juga pekerjaan bertolong-tolongan di dalam kebajikan dan tegah menegah di dalam kejahatan itu mengandungi makna: “Satu bagi semua dan semua bagi satu” atau sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah (SAW) yang maksudnya “Orang mukmin sesama mukmin itu seperti batu yang menguatkan setengah bagi setengahnya.”

Dengan keterangan yang tersebut di atas terang kepada kita bahawa kita tidaklah akan bertemu semula akan kebenaran ayat itu apabila kita tidak berikhtiar menggerakkan pekerjaan bertolong-tolongan di dalam kebajikan dan tegah menegah di dalam kejahatan. Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama berusaha supaya dapat kita menjauhi segala perbuatan yang keji dan dapat pula kita mengerjakan apa-apa yang boleh mendatangkan kebajikan kepada kita. Demikian juga ada setengah daripada orang-orang kita suka mempunyai sifat mengambil kesenangan bagi

diri sendiri dan melemparkan kesusahan bagi diri orang lain. Sifat yang demikian ini adalah bertentangan dengan sabda Rasulullah (SAW) yang maksudnya: “Orang yang dinamakan Muslim itu ialah orang yang suka menyuruh berbuat sesuatu kebajikan kepada orang lain apa yang disukai olehnya dan menegah membuatnya apabila ia sendiri tidak menggemarkinya.”

Keadaan hadis ini adalah menjadi tafsir kepada ayat yang menyatakan “Bahawa di antara orang Muslim melainkan bersaudara.”

Menurut ayat yang tersebut di atas itu terang dan jelas kepada kita bahawa Islam itu mengandungi persaudaraan yang sangat kukuh yang tidak boleh dipakai hanya dengan *theorynya* sahaja tetapi adalah dituntut bagi diamalkan. Yang demikian ini tidak boleh diringankan dan hendaklah pada tiap-tiap orang Islam menjalankan perintah-perintah yang dituntut itu.

Oleh kerana tiap-tiap barang itu mahal harganya maka begitu pulalah kita di dalam mencapai cita-cita kita yang mulia itu tidak boleh tidak tentulah kita akan berjumpa dengan rintangan-rintangan yang maha hebat sebagaimana yang telah diderita oleh junjungan kita Muhammad (SAW).

Akan tetapi walaubagaimanapun rintangan dan halangan yang bakal menghalangi perjalanan kita itu janganlah hendaknya kita undur kerana mengingat firman Allah dalam Quran (yang bermaksud) “Bahawa pengakuan seseorang yang beriman itu tidak akan sempurna melainkan lebih dahulu dicuba.”

Di sini terang kepada kita bahawa apabila kita tidak sabar dengan percubaan yang di atas itu maka janganlah kita mengharap akan mencapai cita-cita kita bahkan mustahil

adannya. Jadi janganlah rintangan atau halangan itu menjadi perhatian kita oleh kerana adalah iaitu satu syarat bagi menuntut kemuliaan umat yang telah diterangkan itu. Ketika kita berupaya mencapai kemuliaan umat hendak beriktiad bahawa perbuatan itu tidaklah sekali-kali kerana cinta akan tanah air kita melainkan adalah semata-mata kerana Allah Subhanahu wa Ta'ālā juga.

Kita hendaklah bertawakal ertiinya kita menyerahkan diri kepada Allah yang Maha Esa dalam menjalankan ikhtiar-ikhtiar kita untuk mencapai kemuliaan umat dengan tidak mengenal lelah serta berkeyakinan bahawa perbuatan itu adalah di atas jalan yang hak yang dibantu pula oleh yang Maha Kuasa sebagaimana firman-Nya (maksudnya) "Hendaklah kamu sabar dan bahwasanya Allah itu adalah beserta orang yang sabar." Sekarang zahir kepada kita bahawa adalah Allah itu berpihak kepada kita selama kita berikhtiar bagi mencapai kemuliaan umat yang telah dijanjikannya dan yang telah pula terbukti akan adanya itu. Oleh yang demikian marilah kita bersama-sama bersungguh-sungguh mengajar kemuliaan itu. Apabila kita hanya berpeluk tubuh sahaja kemuliaan umat itu walau seribu tahun tidak akan tercapai. Allah telah memberi ingat kepada kita di dalam firman-Nya (maksudnya) "Allah tidak akan mengubah nasib seseorang kaum melainkan apabila kaum itu sendiri mengubah nasibnya. Apabila tuntutan ayat ini telah kita jalani tak dapat tiada mestilah mendekati cita-cita yang kita tuju itu sebagaimana yang telah diterangkan oleh al-Quran (maksudnya) "Pertolongan daripada Allah beserta kemenangan telah hampir."

Oleh kerana itu wajiblah atas kita berusaha menyiarkan cahaya Islam itu dan suruh menyuruh atau tolong menolong di dalam segala hal kebaikan dan tegah menegah di dalam perkara kejahanan.

Dengan keterangan yang dibentangkan ini memadailah rasanya bagi menunjukkan apa yang kita mesti tempuh bagi mencapai perjanjian yang telah termaktub di dalam al-Quran itu.

Bagi penutup makalah ini, saya bawa saudara-saudara

kepada hadis Nabi (yang maksudnya) "Rebutlah (gunakanlah) lima sebelum yang lima iaitu- hidupmu sebelum matimu, sihatmu sebelum sakitmu, kelapanganmu sebelum kesempitanmu, mudamu sebelum tuamu dan kemampuannmu sebelum kepapaanmu."

(sambungan daripada muka 8)

-6. Anak saka. Maka keenam-enam tempat ini ialah jajahan kerajaan Riau. Maka di situlah saya dapat tahu beberapa perbezaan-perbezaan di antara bahasa Melayu di Semenanjung ini dengan bahasa Melayu di tempat-tempat yang enam itu tadi, akan tetapi sekarang ini tidak saya berkata yang bahasa orang-orang di situ adakah begitu juga atau pun telah berubah menjadi sama seperti bahasa Melayu Indonesia atau tidak.

(1) – "Di batin enam suku"- yang tersebut itu bahawa perkataan "petang" bererti di dalam percakapan,: sedikit hari yang telah lepas, bukan bererti masa petang hari, misalnya: berkata seorang, "Petang enjeh dah janji hendak datang ke mari" yakni sedikit hari dahulu enjeh sudah berjanji hendak datang ke mari.

(2) – "Kinin di mana enjeh duduk?" adapun perkataan "enjeh" itu bahasa halus yang dihadapkan kepada orang tua, atau sesiapa yang dihormati dan disegani, sebagai ganti "kamu" atau "engkau". Dan "kinin" itu ringkasan daripada "ketika ini."

Menurut berita-berita yang saya telah terima daripada sahabat-sahabat saya dari Sumatera, bahawa ada beberapa perkataan-perkataan yang dikatakan bahasa "Melayu Indonesia" sebagaimana yang ada sekarang disiarkan di surat khabar-surat khabar atau yang seumpamanya itu, banyak juga orang-orang Indonesia sendiri tidak mengerti betul, kerana perkataan-perkataan itu setengahnya datang daripada bahasa Jawa dan setengahnya daripada bahasa Melayu Sumatera, tatkala setengahnya daripada bahasa-bahasa asing dengan diubah-ubahkan sebutannya, kerana orang-orang yang bijak pandai di Tanah Jawa sedang merekai dan membuat bahasa Melayu Indonesia am yang baru dirasmikan itu.